

20/02/1997

Umno rangka pelan atasi gejala sosial

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Rabu - Umno akan merangka pelan bertindak mengatasi gejala sosial, khususnya di kalangan golongan muda Melayu, dalam satu seminar di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), pada 27 Februari ini.

Pengerusi Biro Agamanya, Datuk Abdul Hamid Othman, berkata pelan itu akan digubal berdasarkan maklum balas, idea dan maklumat yang dikemukakan oleh lebih 300 Ketua Umno Bahagian, cendekiawan dan pakar sosial pada hari berkenaan.

Seminar sehari itu anjuran Biro Agama dan Biro Kebajikan dengan kerjasama Pergerakan Pemuda serta Wanita Umno. Semua exco kedua-dua pergerakan itu dijangka hadir.

Beliau yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, seminar bermula dengan taklimat Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Zainol Arif Hussin, mengenai maklumat terkini gejala sosial di negara ini, termasuk yang membabitkan orang Melayu.

Dr Zainol dijangka mengemukakan maklumat dan perangkaan terperinci kes berkaitan keruntuhan akhlak orang Melayu. Ini termasuk maksiat, penagihan dadah, penghidap Aids, penderaan, pelacuran dan jenayah.

"Selepas pembentangan itu, peserta berbincang mengenai isu berkenaan termasuk mencari jalan menanganinya. Dalam majlis percambahan fikiran itu, Ketua Umno dan ahli akademik akan mengemukakan idea masing-masing.

"Rumusan seminar itu kemudian diteliti dan dihalusi sebelum disusun menjadi garis panduan dalam pelan bertindak menangani gejala sosial khususnya yang membabitkan orang Melayu," katanya kepada Berita Harian, hari ini.

Dr Abdul Hamid berkata, pelan itu kemudian akan beliau kemukakan kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno, yang akan bermesyuarat pada 1 Mac ini.

"Pelan itu akan diteliti dan dihalusi sekali lagi oleh ahli MT sebelum diluluskan untuk dilaksanakan dalam bentuk program bersepadu di semua bahagian Umno," katanya.

Seminar itu adalah susulan daripada pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dengan wakil semua agensi agama Islam peringkat Persekutuan dan negeri di Pusat Islam, pada 5 Februari lalu.

(END)